KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11.03.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPN KEDAH			

Hutan Lipur Bukit Wang bakal dibaik pulih

KUBANG PASU - Hutan Lipur Bukit Wang di Jitra yang terjejas akibat tragedi kepala air November tahun lalu akan dibaik pulih dalam masa terdekat.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Muhamad Abdullah berkata, kerajaan negeri telah meluluskan sejumlah peruntukan bagi tujuan baik pulih di kawasan terbabit.

Katanya, antara prasarana yang terlibat adalah pembinaan semula jambatan yang runtuh, penyelenggaraan tandas awam dan surau.

"Insya-ALLAH kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan dijangka mengambil masa antara tiga hingga empat bulan," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Menurutnya, jabatan perhutanan juga bercadang untuk menutup bahagian atas hutan lipur berkenaan.

"Ini kerana kawasan atas itu agak semak dan pengunjung pun tidak naik mandi sehingga ke atas sana," jelasnya.

Muhamad berkata, hutan lipur berkenaan kembali dibuka kepada orang ramai setelah ditutup berikutan cuaca tidak mengizinkan sebelum ini.

"Walau bagaimanapun kita menasihati pengunjung agar sentiasa berjaga-jaga dan peka dengan keadaan sekeliling," ujarnya.



Jambatan di Hutan Lipur Bukit Wang yang runtuh dalam kejadian kepala air pada November lalu.